

20 SEP 1999

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA BELIZE SEMPENA HARI KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengutus ucapan tahniah dan ucap selamat kepada Gabenor Jeneral Belize, Sir Colville Young, sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara itu.

"Pada hari yang gembira meraikan kemerdekaan, Raja Permaisuri Agong turut bersama saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama serta mengharapkan keamanan dan kemakmuran untuk rakyat Belize," titah baginda dalam perutusannya itu.

Perutusan itu bersama perutusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dikeluarkan kepada media di sini oleh Wisma Putra.

Dr Mahathir dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Said Musa, mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Belize dan mengharapkan negara itu terus maju dan makmur.

Syed Hamid dalam perutusan serupa kepada Said yang juga Menteri Luar dan Menteri Kewangan, berharap hubungan dua hala antara Malaysia dan Belize terus bertambah baik.

-- BERNAMA
MNY LAT MAI